

## UMS Anjur Program Memanah Semarak Konsep Edu-Tourism

Terakhir dikemaskini: Selasa, 22 Januari 2019 16:45 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 267

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**SELASA, 22 JANUARI** - Seramai 70 peserta menjayakan program Pengenalan Aktiviti Memanah Tradisional yang dianjurkan Pusat Pelaburan dan Endowmen (PPE), Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Pantai Pusat Pembangunan Luar (ODEC), UMS, Ahad lalu.

Menurut Pengarah PPE, Prof. Madya Dr. Mohd Rahimie Abd. Karim berkata, kesemua peserta terdiri daripada kakitangan UMS, siswa-siswi, rakan-rakan strategik dan ahli-ahli keluarga kakitangan.

“Mereka diajar oleh jurulatih yang bertauliah sebelum bertanding mengikut kumpulan di sembilan *check point* memanah.

“Program ini antara lain sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk membangunkan konsep *edu-tourism* dalam kampus,” katanya.

Program itu merupakan anjuran dengan kerjasama Pammin Usaha Bersaudara, Rajwa Achery dan Kelab Memanah Kesatria Kota Kinabalu (KESATRIA)

Mengulas lanjut mengenai *edu-tourism*, Dr. Mohd Rahimie ketika ditemui berkata, pelbagai tarikan boleh dinikmati di dalam kampus UMS sekitar penghujung tahun ini.

Ujarnya, UMS akan menawarkan pakej pelancongan yang menggabungkan elemen pendidikan, ilmu, riadah, hiburan, pengalaman dan santai untuk setiap peringkat umur pelancong.

“Para pelancong yang memilih UMS sebagai destinasi percutian mereka akan berpeluang mempelajari budaya masyarakat tempatan Sabah, merasai keseronokan aktiviti-aktiviti laut, berkuda, memanah dan kenderaan lasak di pantai UMS; menghargai usaha pemuliharaan dengan melihat keunikan flora dan fauna melalui aktiviti hiking ke Puncak UMS dan banyak lagi.

“Mereka boleh mengikuti aktiviti dan menikmati keindahan dalam kampus bermula pagi sehingga ke pagi esoknya,” ujarnya sambil menyatakan UMS bakal mempunyai penginapan untuk pelancong yang diusahakan bersama pihak industri.

Hadir sama pada majlis itu, Pengurus Kumpulan Eksekutif Pammin Usaha Bersaudara, Datuk Mohd Pintaz Haji Badar; Pengarah Urusan Rajwa Achery, Md Suhaimi Hj Sapiee; Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Prof. Madya Dr. Raman Noordin; Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Dr. Marsitah Mohd Radzi; Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ahmad Nurdin dan Timbalan Pengarah (Korporat) Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat UMS, Dr. Jakaria Dasan.